



**ELEMEN PERSEKITARAN MEMPENGARUHI KECEMERLANGAN AKADEMIK  
MURID TINGKATAN LIMA DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA**

*(Environmental Elements Influence The Academic Excellence of Form Five Students in Religious Secondary Schools)*

Mohammad Izzulhilmi Ghazali<sup>1</sup>, Wan Omar Ali Saifuddin Wan Ismail<sup>1\*</sup>, Muhammad Sholahuddin Amri<sup>1</sup>,  
Mursyidah Mohd Sukeri<sup>1</sup>, Nurul Ain Syafiqa Suhaimi<sup>1</sup>, Syaima' Shatirah Jaafar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Malaysia

\*[woasaifuddin@unisza.edu.my](mailto:woasaifuddin@unisza.edu.my)

Received: 23 September 2022 • Accepted: 19 April 2023 • Published: 30 April 2023

***Abstract***

*Several determining factors influence the success of the teaching and learning process in the classroom. This study aims to examine the extent to which environmental factors, parents, and peers affect the academic excellence of fifth-grade students in selected religious schools in the state of Terengganu and to analyze the relationship between environmental factors and student academic excellence. This study used a qualitative approach involving document analysis, observation, and interviews with fifth-grade students. The study results found that most parents have a good relationship with the respondents and always motivate them. Still, they provide less help with academic matters such as schoolwork and the preparation of study schedules. Peers also found similar academic excellence and strong socialization influence on respondents. Therefore, parental and peer factors remarkably impact each student in determining academic excellence. In conclusion, the education system greatly depends on the support of environmental factors such as parents and peers to ensure that student academic excellence is at its best.*

**Keywords:** *Environmental Factors, Parents, Peers, Academic Excellence*

**Abstrak**

Keberhasilan sesuatu proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) di dalam bilik darjah dipengaruhi oleh beberapa elemen penentu kejayaan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau sejauh mana elemen persekitaran, ibu bapa dan rakan sebaya mempengaruhi kecemerlangan akademik murid tingkatan lima di

sekolah-sekolah agama terpilih dalam Negeri Terengganu seterusnya menganalisis hubungan kait di antara elemen persekitaran dan kecemerlangan akademik murid. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif melibatkan proses menganalisis dokumen, pemerhatian dan temubual responden dalam kalangan murid tingkatan lima. Hasil kajian mendapati kebanyakan ibu bapa mempunyai hubungan yang baik dengan responden dan selalu memberi motivasi kepada mereka tetapi kurang membantu dalam hal-hal pelajaran seperti kerja sekolah dan juga penyediaan jadual belajar. Rakan sebaya juga didapati mempunyai kecemerlangan akademik yang lebih kurang sama dan memberi pengaruh sosialisasi yang kuat kepada responden. Maka, kedua-dua elemen ibu bapa dan rakan sebaya sememangnya memberi impak yang tersendiri kepada setiap individu murid bagi menentukan kecemerlangan dalam bidang akademik. Kesimpulannya, sistem pendidikan sangat memerlukan sokongan elemen persekitaran seperti ibu bapa dan rakan sebaya bagi memastikan kecemerlangan akademik murid berada di tahap yang terbaik.

**Kata kunci:** Elemen persekitaran, ibu bapa, rakan sebaya, kecemerlangan akademik

**Cite as:** Ghazali, M.I, Wan Ismail, W.O.A.S., Amri, M.S., Sukeri, M.M., Suhaimi, N.A.S., Jaafar, S.S. (2023). Environmental Elements Influence The Academic Excellence of Form Five Students in Religious Secondary Schools. *Asian People Journal*, 6(1), 178-189.

## PENGENALAN

Murid merupakan modal insan yang berharga bagi setiap negara. Seluruh warganegara ini mempunyai visi dan misi dalam melahirkan modal insan berkualiti dari sudut akademik, sahsiah dan rohani yang mampu mendepani cabaran hebat dari segenap sudut berlandaskan ilmu pengetahuan. Pendidikan amat penting bagi setiap individu dan merupakan tunjang kepada pengetahuan atau ilmu seseorang itu. Pendidikan dan masyarakat sama sekali tidak dapat dipisahkan tanpa mengira status negara maju, membangun mahupun mundur (Razali, 2019). Pendidikan merupakan tunjang utama dalam merealisasikan visi sesebuah negara. Demi mencapai misi yang ditetapkan, kerajaan telah mengambil perhatian yang serius dengan mewujudkan sistem pendidikan yang menawarkan pembelajaran kepada pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur. Kaedah pembelajaran yang seimbang mampu melahirkan masyarakat yang berkualiti dan menyumbang ke arah pertumbuhan pesat negara. Mereka juga perlu mempunyai ciri-ciri yang berkredibiliti dan berkeupayaan dalam pengetahuan serta kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Melalui hasrat tersebut, maka transformasi sistem pendidikan negara dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai sebuah institusi yang dapat melahirkan modal insan bukan sahaja di peringkat negara tetapi di peringkat global yang mampu mengharumkan nama ke santero dunia.

Kecemerlangan akademik merupakan elemen yang sangat dititikberatkan oleh masyarakat zaman kini yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi. Individu yang mempunyai pencapaian akademik yang baik seringkali dihormati oleh masyarakat sekeliling. Namun begitu, kualiti pencapaian murid hari demi hari dilihat semakin berkurang dan merosot akibat daripada pelbagai faktor dalaman dan juga luaran sehingga menyebabkan murid pada hari ini lebih berminat untuk melibatkan diri dalam media sosial berbanding bidang akademik. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis lebih lanjut tentang kaitan elemen persekitaran ibu bapa dan rakan sebaya dalam mempengaruhi kecemerlangan akademik murid. Objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut: i. Mengenal pasti tahap kecemerlangan akademik murid tingkatan lima; dan ii. Menganalisis elemen persekitaran

dominan terhadap kecemerlangan akademik murid. Oleh yang demikian, penulisan ini akan membincangkan tentang kaitan antara faktor persekitaran yang memberi kesan terhadap kecemerlangan murid iaitu pengaruh daripada ibu bapa juga rakan sebaya .

Melalui sistem pendidikan negara, akademik merupakan salah satu bidang yang penting dalam negara kita dan perkembangan kognitif murid dinilai melalui kecemerlangan akademik. Terdapat banyak instrumen yang diambil untuk menilai tahap pencapaian akademik murid seperti penilaian berdasarkan peperiksaan, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah (PBD), secara tidak langsung membantu para guru untuk menilai murid mereka di sekolah. Namun, setiap pencapaian ini mempunyai perbezaan mengikut tahap pemikiran murid dan apa yang paling penting terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pencapaian murid dianggap sebagai petunjuk penting dalam prestasi akademik yang cemerlang. Hal ini adalah satu penilaian umum untuk melihat dan mengklasifikasi murid agar guru dan pihak pentadbir dapat merangka strategi untuk meningkatkan prestasi murid serta sekolah. Selain itu, sesuatu proses pembelajaran melibatkan sesuatu usaha supaya dapat menguasai kemahiran dan pengetahuan disamping membentuk sikap yang positif (Mohamad Nor, 2009). Pelajar merupakan individu yang unik dan berbeza di antara satu sama lain walaupun mereka berada dalam tahap pembelajaran yang sama. Perbezaan individu ini merangkumi dari aspek pemikiran, tindak balas, minat dan kecenderungan, pencapaian dan pemahaman . Terdapat banyak faktor yang boleh diambil kira sebagai penentu pencapaian murid sama ada cemerlang atau tidak. Ada kemungkinan besar murid yang berhadapan dengan masalah belajar apabila mereka tidak mempunyai persekitaran yang membantu dan kondusif. Masalah ini akan berlanjutan apabila tiada tindakan penyelesaian yang diambil dari pihak yang terbabit. Apabila aktiviti di dalam kelas tidak dapat diikuti, rasa minat dan tumpuan murid akan terjejas. Kesan daripada pembelajaran yang sukar akan menjurus kepada kegagalan pencapaian dalam akademik.

Selain itu, setiap murid mempunyai tindak balas dan gaya yang tersendiri untuk menerima serta menggunakan rangsangan dalam proses pembelajaran. Murid harus menggunakan gaya pembelajaran mereka yang tersendiri kerana ini merupakan kekuatan kepada diri mereka dalam bidang akademik (Mohamed Zakaria, 2007). Kecemerlangan akademik merupakan penentu kepada pemahaman seseorang terhadap proses pembelajaran. Terdapat empat model pembelajaran yang asas hasil daripada gabungan pembelajaran dengan keperluan persekitaran melibatkan keperluan murid mempunyai kebolehan dalam aspek konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak dan eksperimentasi aktif (Kolb, 1984), dan ini berkait rapat dengan cara murid memproses dan mengekalkan maklumat yang baharu Dunn dan Dunn (1988). Ianya turut bergantung kepada ciri-ciri sahsiah diri seseorang dan dipengaruhi oleh persekitaran termasuk faktor emosi, pengaruh sosial serta hal-hal dalaman seperti perasaan seseorang individu.

Oleh itu, wujudnya perbezaan antara murid ini adalah satu perkara yang lumrah bagi setiap insan dan perbezaan ini berlaku mengikut faktor-faktor yang berkait rapat dengan murid seperti emosi, perkembangan dari sudut persekitaran murid, sekolah dan guru-guru. Faktor- faktor sampingan juga boleh mempengaruhi pencapaian akademik murid (Chzin & Surat, 2021). Terdapat kajian menjelaskan, di negara-negara maju gaya pembelajaran dan proses kemahiran belajar didapati mempunyai pengaruhnya yang tersendiri serta aspek yang kuat melibatkan faktor persekitaran, faktor emosi dan sebagainya diambil kira dalam persediaan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) bagi meningkatkan pencapaian murid dalam peperiksaan malah pengkaji lagi, murid-murid di Amerika Syarikat didedahkan kepada gaya pembelajaran dan kemahiran belajar secara formal di sekolah-sekolah hingga ke peringkat

kolej dan universiti yang mana matlamat pengajaran dan pembelajaran di sana ialah pembelajaran sepanjang hayat berbanding di negara kita yang masih di belenggu berorientasikan peperiksaan (Ismail, 2009). Peperiksaan menjadi salah satu instrumen bagi menilai tahap kecemerlangan seseorang murid di Malaysia. Setiap dorongan yang diterima oleh murid sama ada secara langsung atau tidak langsung akan memberi kesan kepada tahap pencapaian akademik murid. Antara yang memberi kesan adalah faktor dorongan daripada ibu bapa. Ini kerana, ibu bapa adalah insan atau individu yang paling hampir dengan murid dari peringkat umur kecil sehingga remaja. Ibu bapa memainkan peranan dalam mencorakkan pendidikan anak-anak dan membentuk asas-asas perkembangan diri mereka. Ibu bapalah yang dapat membantu dan menjadi penentu kepada anak-anak dalam memperolehi pendidikan yang cemerlang dan berkualiti (Stapa, 2012). Selain itu, antara individu yang dekat dan digemari oleh para remaja atau murid adalah rakan-rakan sebaya mereka. Jika ibu bapa banyak bersama dengan murid di rumah, manakala rakan sebaya adalah individu yang hampir dengan murid di sekolah. Jumlah jam atau masa mereka bersama adalah lebih kurang tujuh jam (Siti Mapuzah Mohammed Ali, 2023). Kecemerlangan pencapaian akademik murid bergantung kepada bagaimana mereka memilih rakan.

Kekurangan tumpuan terhadap pembelajaran murid di sebabkan oleh tugas harian ibu bapa yang terlalu sibuk dalam pekerjaan masing-masing (Salim & Khairuddin, 2020). Pengabaian yang berlaku terhadap murid mendorong ketiadaan semangat untuk belajar sekaligus menyebabkan kemerosotan dalam pencapaian akademik. Ibu bapa sering menunding jari kepada guru apabila keputusan peperiksaan murid lemah sedangkan komitmen ibu bapa di rumah juga penting dalam memastikan kecemerlangan akademik murid terjaga. Motivasi adalah dorongan yang lahir dalam diri seseorang untuk bertindak balas terhadap tingkah laku dalam melakukan sesuatu yang sesuai dengan dorongan dirinya (Uno, 2021).

Penglibatan rakan sebaya juga dilihat antara faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik murid dan penglibatan mereka di dalam kelas (Ayub, Yunus & Mahmud, 2018). Rakan sebaya kebiasaannya mempunyai tingkah laku yang sama di antara mereka. Murid seringkali terdorong untuk melakukan aktiviti yang sama dengan rakan sebaya kerana kebanyakan masa dihabiskan bersama terutamanya ketika waktu persekolahan. Ada juga rakan sebaya yang memberi pengaruh negatif terhadap murid sehingga menyebabkan mereka terjerumus ke dalam gejala yang tidak bermoral dan boleh mengakibatkan kemerosotan dalam pencapaian akademik murid. Manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dirinya akan cenderung menjadi baik. Seandainya dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang mendorongnya bertindak ke arah negatif, maka dirinya akan terpengaruh untuk berakhlak buruk dan tidak disenangi (Daud, Yussuf & Kadir 2020).

### ***Elemen Persekitaran***

Elemen persekitaran dalam kajian ini merujuk kepada faktor luaran yang mempengaruhi kecemerlangan akademik murid sama ada dari segi tingkah laku, intelek, emosi dan juga sosial. Fokus kajian adalah kepada dua elemen persekitaran yang utama iaitu ibu bapa dan juga rakan sebaya. Ibu bapa dan rakan sebaya merupakan individu paling rapat dan sentiasa berhubung dengan murid dalam kehidupan seharian. Oleh itu, ibu bapa dan rakan sebaya memainkan peranan yang penting bagi memastikan pengaruh yang diterapkan kepada murid dapat memberikan kesan yang positif terhadap kehidupan mereka khususnya dari sudut kecemerlangan akademik.

### ***Ibu bapa***

Perkara kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menjelaskan keperluan kerjasama bersama ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas untuk membangunkan pendidikan yang

menyeluruh (Salim & Khairuddin, 2020). Penglibatan ibu bapa penting terhadap murid dan bukan hanya sekadar menghadiri majlis tertentu di sekolah bahkan memerlukan penglibatan dalam aktiviti pembelajaran di rumah seperti kerja sekolah dan juga pemantauan rutin pembelajaran harian mereka. Hal ini bagi memastikan kecemerlangan akademik murid sentiasa berada dalam keadaan terkawal sekaligus dapat menjaga emosi murid untuk sentiasa fokus dalam pelajaran kerana sentiasa mendapat sokongan daripada ibu bapa.

### *Rakan sebaya*

Murid yang memilih kawan yang baik dan cemerlang dalam pelajaran akan menyebabkan mereka juga terdorong untuk cemerlang bersama, namun sekiranya mereka salah memilih kawan maka mereka akan turut terjerumus ke arah kegagalan terutamanya tidak mampu untuk memberi fokus kepada pelajaran (Yahaya & Aliju, 2010). Murid yang bergantung kepada rakan sebaya akan dilihat bahawa pengaruh tarikan yang ada pada diri individu tersebut biasanya mudah terikut dengan apa yang akan dilakukan oleh rakan mereka kerana mereka mempunyai persamaan minat, aktiviti dan sanggup menghabiskan tempoh masa yang lama untuk bersama dengan rakan-rakan. Secara tidak langsung pengaruh rakan sebaya boleh menjadi pendorong kepada pencapaian yang cemerlang murid kerana personaliti murid akan berubah mengikut rentak personaliti rakan sebaya disebabkan mereka dapat belajar bersama-sama dan membantu antara satu sama lain melalui bantuan, pengaruh dan tahap ilmu mereka.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu secara analisis dokumen, pemerhatian dan juga temu bual berstruktur bersama sepuluh orang murid tingkatan lima sekolah menengah agama Terengganu yang dipilih secara rawak dan mempunyai tahap pencapaian akademik yang berbeza iaitu lemah, sederhana dan cemerlang. Murid-murid yang terpilih dikelaskan sebagai responden A, B, C, D, E, F, G, H, I, dan J. Analisis dokumen merujuk kepada penganalisan markah peperiksaan akhir tahun responden semasa berada tingkatan empat yang lepas. Kaedah pemerhatian berasal daripada kajian etnografi yang bertujuan mempelajari perspektif populasi yang dikaji. Pemerhatian dalam kajian ini dijalankan dengan mengamati tingkah laku serta rutin seharian responden di sekolah dan mengaitkannya dengan kecemerlangan akademik mereka.

Temu bual pula diertikan sebagai perbualan antara penyelidik dengan responden kajian bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan menyokong hasil dapatan kajian yang diperolehi. Temu bual yang dijalankan berbentuk temubual berstruktur kerana senarai soalan yang hendak diajukan telah dirancang dengan teliti dan diselaraskan untuk semua responden. Borang temu bual mengandungi dua bahagian utama iaitu pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya terhadap kecemerlangan akademik responden serta mempunyai lima soalan pada setiap bahagian. Kaedah ini dijalankan bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat terperinci responden bagi membuat kesimpulan di akhir kajian.

Kaedah pemilihan sampel dalam kajian ini merujuk kepada kaedah persampelan bertujuan. Sampel kajian terdiri daripada sepuluh orang murid tingkatan lima dari sekolah-sekolah menengah agama terpilih di Negeri Terengganu dan dikelaskan kepada tiga peringkat berdasarkan tahap pencapaian akademik iaitu tahap lemah, tahap sederhana dan tahap cemerlang. Dalam kajian ini juga, pengkaji hanya mengkaji kecemerlangan akademik murid dan elemen persekitaran yang mempengaruhi kecemerlangan murid yang berfokuskan kepada elemen ibu bapa dan rakan sebaya sahaja.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tahap kecemerlangan akademik pelajar, elemen persekitaran dan kaitan antara tahap kecemerlangan akademik dengan elemen persekitaran. Setiap analisis yang dilakukan menggunakan peratusan dan dibincangkan analisis tersebut secara huraian deskriptif serta dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah bagi memudahkan hasil dapatan dianalisis.

### *Tahap kecemerlangan akademik*

Kajian ini mengkategorikan tahap kecemerlangan akademik responden kepada tiga kategori. Kategori pertama berada pada tahap cemerlang iaitu responden yang mendapat keputusan 5A dan ke atas. Kategori kedua berada pada tahap sederhana iaitu responden yang mendapat keputusan 1A hingga 3A manakala kategori ketiga berada pada tahap lemah iaitu responden tidak mendapat sebarang A dalam keputusan peperiksaan.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2021

Bil	Tahap kecemerlangan akademik	Gred	Responden	Peratus
1	Cemerlang	5 (A) >	A, C dan I	30
2	Sederhana	1 (A) – 3 (A)	D, E dan F	30
3	Rendah	Tiada A	B, J, G dan H	40
		Jumlah	10	100

Jadual 1 menunjukkan tahap kecemerlangan akademik responden berdasarkan kepada keputusan peperiksaan akhir tahun 2021. Bilangan responden yang tidak dapat mendapat sebarang A merupakan yang tertinggi iaitu seramai empat orang responden (40%) berada pada tahap kecemerlangan akademik yang lemah. Manakala, dua lagi tahap iaitu cemerlang dan sederhana berkongsi jumlah bilangan responden yang sama iaitu seramai tiga orang responden (30%). Data ini menunjukkan tiada perbezaan yang ketara pada jumlah peratus antara ketiga-tiga tahap kecemerlangan akademik.

### *Elemen persekitaran*

Kajian ini memfokuskan kepada dua elemen persekitaran iaitu ibu bapa dan rakan sebaya. Sesi temu bual telah dijalankan terhadap sepuluh orang responden untuk menganalisis elemen persekitaran. Berikut merupakan analisis item soalan yang digunakan dalam setiap sesi temubual bersama sepuluh orang responden mengikut elemen persekitaran yang telah ditetapkan.

#### *Ibu bapa*

Terdapat lima item soalan yang berkaitan dengan elemen persekitaran ibu bapa iaitu keadaan hubungan dengan ibu bapa, ibu bapa membincangkan aktiviti yang berlaku di sekolah, ibu bapa membantu dalam menyiapkan kerja sekolah, ibu bapa menjaga jadual pembelajaran dan dorongan motivasi daripada ibu bapa.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Elemen Persekitaran Ibu Bapa

Bil	Item soalan	Kriteria	Responden	Peratus
1.	Hubungan dengan ibu bapa.	Baik	A, E, F, G, H, I, J	70
		Biasa	B, C, D	30
2.	Ibu bapa membincangkan aktiviti yang berlaku di	Pernah	A, B, D, E, F, H, I, J	80

sekolah.	Tidak	C, G	20
3. Ibu bapa membantu dalam menyiapkan kerja sekolah.	Pernah	A, D, E, J	40
	Tidak	B, C, F, G, H, I	60
4. Ibu bapa menjaga jadual pembelajaran.	Ya	A, E, J	30
	Tidak	B, C, D, F, G, H, I	70
5. Dorongan motivasi daripada ibu bapa.	Ya	A, B, C, D, E, F, H, I, J	90
	Tidak	G	10

Jadual 2 menunjukkan seramai tujuh orang responden (70%) menyatakan mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa. Kesemua responden tersebut mempunyai hubungan baik dengan kedua-dua ibu dan bapa, namun responden A lebih rapat dan baik dengan bapa berbanding ibunya. Jawapan baik disini merangkumi hubungan yang rapat, tiada masalah berkomunikasi dan sering berkongsi segala masalah yang dihadapi tanpa ada perasaan segan atau malu dalam diri responden. Manakala, tiga orang responden (30%) menyatakan mempunyai hubungan yang biasa sahaja dengan ibu bapa. Responden B memberitahu tidak terlalu rapat dengan kedua-dua ibu bapa, namun tidak sampai berlaku pergaduhan dalam hubungan tersebut. Manakala, ibu bapa responden C terlalu sibuk bekerja sehingga responden jarang mempunyai peluang untuk berkomunikasi dengan ibu bapa. Responden D merasa takut dan segan untuk berkomunikasi secara lebih rapat atau erat dengan ibu bapa sehingga mewujudkan satu jurang yang kurang selesa di antara mereka.

Walaupun mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa, tidak semua responden sering membincangkan aktiviti yang berlaku di sekolah sama ada dari segi kurikulum atau kokurikulum. Jadi ini membuktikan bahawa hubungan yang baik tidak menjamin keprihatinan ibu bapa terhadap aktiviti pelajar di sekolah. Terdapat ibu bapa kepada lapan orang responden (80%) pernah bertanya berkenaan segala aktiviti yang berlaku di sekolah tetapi ibu bapa responden D hanya bertanya berkenaan mata pelajaran hifz al-Quran sahaja. Manakala, baki dua orang responden (20%) iaitu responden G menyatakan ibu bapa hanya bertanya tentang keadaan diri responden sahaja dan ibu bapa responden C terlalu sibuk bekerja.

**Responden C: "... ibu bapa saya terlalu sibuk dan tiada masa untuk bincang apa-apa aktiviti yang berlaku dekat sekolah, makan pun asing-asing..."**

Disamping itu, responden C juga menyatakan bahawa ibu bapa responden tidak membantu untuk menyiapkan kerja sekolah dan memilih untuk mengelak daripada membantu. Data kajian di atas menunjukkan hampir separuh daripada keseluruhan responden iaitu ibu bapa kepada enam orang responden memang tidak pernah membantu responden untuk menyiapkan kerja sekolah. Responden F menyatakan hanya abang responden yang selalu membantu dalam menyelesaikan segala tugas persekolahan. Manakala, ibu bapa kepada empat orang responden (40%) membantu menyiapkan kerja sekolah, namun hanya terhad kepada beberapa mata pelajaran yang dikuasai sahaja.

Ibu bapa kepada tiga orang responden (30%) sahaja yang betul-betul menjaga dan mengatur jadual pembelajaran ketika di rumah seperti yang dinyatakan oleh Responden J. Selebihnya, ibu bapa sama sekali tidak menetapkan jadual pembelajaran sehingga responden sendiri yang merancang jadual pembelajaran masing-masing.

Responden J: “...ayah saya selalu menetapkan sekurang-kurangnya 1 hingga 2 jam untuk mengulang kaji pembelajaran...” .

Jadual 2, jelas menunjukkan keseluruhan ibu bapa kepada sembilan orang responden (90%) sangat prihatin dan sentiasa memberi dorongan motivasi dalam meningkatkan pencapaian akademik yang baik. Seorang responden (10%) sahaja yang tidak memberi dorongan motivasi kerana jarang bersoal jawab tentang prestasi pembelajaran walaupun responden seorang yang rapat dengan ibu bapa.

#### *Rakan sebaya*

Terdapat lima item soalan yang berkaitan dengan elemen persekitaran rakan sebaya iaitu tahap akademik dengan rakan sebaya, dorongan motivasi daripada rakan sebaya, rakan sebaya membincangkan aktiviti yang berlaku di sekolah, rakan sebaya membantu dalam menyiapkan kerja sekolah, rakan sebaya mengulang kaji pelajaran bersama-sama.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Elemen Persekitaran Rakan Sebaya

Bil	Item soalan	Kriteria	Responden	Peratus
1.	Tahap akademik yang sama dengan rakan sebaya.	Ya Tidak	A, B, C, D, E, F, G, H, I, J -	100 -
2.	Dorongan motivasi daripada kawan-kawan.	Ya Tidak	A,C,E,F,G,H,I,J B, D	80 20
3.	Berbincang aktiviti yang berlaku di sekolah	Ya Tidak	A, E, F, G, H, I, J B, D	80 20
4.	Rakan sebaya membantu dalam menyiapkan kerja sekolah	Ya Tidak	A, E, F, G, H, I, J B, C, D	70 30
5.	Mengulangkaji pelajaran bersama kawan-kawan	Ya Tidak	A, F, G, H, I, J B, C, D, E	60 40

Berdasarkan Jadual 3, jelas menunjukkan kesemua sepuluh orang responden (100%) mempunyai tahap yang sama dengan rakan-rakan yang rapat dengan responden. Secara keseluruhan responden juga mempunyai dorongan motivasi serta nasihat daripada rakan-rakan untuk berjaya dalam peperiksaan. Namun, responden B menyatakan walaupun rakan-rakan memberi kata-kata semangat tetapi kadang-kadang ia tidak memberi dan meninggalkan kesan kepada hati responden.

RF: “ ...kami mempunyai tahap akademik yang sama tetapi ada sebahagian mempunyai kelebihan dalam mata pelajaran teras dan sebahagiannya tidak...” .

Walaupun begitu, terdapat juga tiga orang responden (20%) yang kurang berbincang dengan rakan-rakan berkaitan apa-apa kejadian yang berlaku di sekolah. Ini kerana, responden B dan D lebih suka menyendiri serta kurang bercakap dengan rakan-rakan di sekolah. Selain itu, responden juga menyiapkan kerja sekolah tanpa bantuan kawan-kawan dan sangat jarang meminta bantuan kecuali kerja sekolah yang betul-betul dirasakan sukar.




Manakala, baki lapan orang responden (80%) seringkali berbincang dan bercakap dengan kawan-kawan sama ada berkaitan dengan kurikulum atau kokurikulum dan membantu menyiapkan kerja sekolah kecuali responden C. Malah, responden D memberi alasan tidak melakukan ulangkaji bersama rakan walaupun responden seorang rapat dengan kawan-kawan. Ini adalah kerana kawannya sendiri tidak melakukan ulang kaji.

Manakala, enam orang responden (60%) sering melakukan ulangkaji pelajaran secara berkumpulan dan saling membantu antara satu sama lain.

Responen A: “...*pada kebiasaannya, saya akan belajar bersama dengan kawan-kawan dan kawan yang pandai tidak kedekut dengan ilmu yang dimiliki...*”.

*Hubungkait tahap kecemerlangan akademik dan elemen persekitaran*

Hasil analisis temu bual berkaitan elemen persekitaran ibu bapa dan rakan sebaya menunjukkan terdapat dua tema utama dari sudut persepsi responden iaitu persepsi positif dan negatif. Setiap jawapan yang memberi persepsi positif direkodkan dalam bentuk peratus. Kaedah ini lebih mudah bagi menganalisis data hasil temu bual yang dilaksanakan. Analisis keseluruhan bagi setiap tahap kecemerlangan dikaitkan dengan data analisis temubual yang dijalankan merujuk kepada Jadual 1 dan Rajah 1.



Rajah 1: Taburan Responden Mengikut Elemen Persekitaran

Ibu bapa merupakan insan yang pertama dalam membentuk peribadi seorang anak. Oleh itu, semestinya ibu bapa mempunyai pertalian yang kuat dan signifikan dalam meningkatkan tahap kecemerlangan akademik seseorang murid sama ada di peringkat sekolah atau institusi yang lebih tinggi (Shaarani, Muhammad Sabri, Abdul Karim, Mohd Shahwahid, Tonot & Haliyana, 2015). Berdasarkan kepada jadual 1 dan Rajah 1, terdapat responden yang berada pada tahap cemerlang iaitu responden A membuktikan ibu bapa sangat memainkan peranan yang penting dalam membantu dan mengatur jadual pembelajaran ketika di rumah sehingga memberi kesan yang positif terhadap tahap kecemerlangan akademik. Secara tidak langsung juga, responden menerapkan budaya belajar dan mengulang kaji bersama dengan rakan yang lain kesan daripada budaya yang diterapkan oleh ibu bapa iaitu belajar secara

bersama-sama. Oleh itu, peratus elemen persekitaran ibu bapa dan rakan sebaya responden A adalah berjumlah 100% memberi kesan terhadap tahap kecemerlangan akademik yang diperolehi sekarang.

Kebanyakan responden yang berada pada tahap lemah mempunyai kekurangan dari segi sokongan dan penglibatan ibu bapa seperti responden B, G dan H iaitu antara 10% sehingga 30% sahaja. Ini jelas membuktikan sokongan daripada ibu bapa sangat penting dalam meningkatkan motivasi dan semangat untuk terus belajar serta percaya dengan kelebihan yang ada pada diri seseorang pelajar. Tidak dinafikan kedudukan sosio ekonomi memainkan peranan yang penting dalam menyediakan pendidikan yang terbaik, namun perhatian ibu bapa terhadap aktiviti yang berlaku di sekolah dan pemantauan kerja sekolah serta jadual belajar di rumah juga perlu dititik beratkan tanpa menyerahkan segala urusan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) kepada pihak sekolah semata-mata (Daud, Yussuf, & Kadir, 2020).

Selain daripada ibu bapa, rakan sebaya juga merupakan elemen persekitaran yang utama dalam memberi pengaruh pada proses sosialisasi seseorang pelajar sama ada positif atau negatif (Khalil, Abd Rahman, & Din, 2018). Ini dibuktikan oleh pernyataan responden D yang berada pada tahap akademik lemah menyatakan tidak mengulang kaji pelajaran bersama dengan kawan-kawan. Ini kerana kawannya sendiri tidak melakukan ulang kaji. Rajah 1 menunjukkan responden D hanya memperolehi 20% sahaja penglibatan yang positif bersama dengan kawan-kawan dan selebihnya kemungkinan adalah negatif seperti yang dinyatakan. Oleh itu, ibu bapa perlu memantau dan mengenal pasti rakan sebaya anak-anak di sekolah kerana golongan belia mudah untuk meniru atau terpengaruh dengan budaya yang dibawa oleh rakan termasuk sesuatu yang berunsurkan budaya negatif (Daud, Yussuf, & Kadir, 2020).

Berbeza dengan responden I yang berada pada tahap cemerlang dalam akademik adalah kesan daripada 50% bantuan dan sokongan daripada rakan sebaya dan 30% daripada ibu bapa. Responden menyatakan tiga orang kawan rapat responden seringkali mengingatkan tentang pembelajaran setiap hari pada waktu pagi dan sering memberi semangat untuk meneruskan pengajian dengan membantu memberi tunjuk ajar semula mata pelajaran yang tidak difahami. Ini jelas menunjukkan rakan sebaya merupakan individu yang dapat mencetuskan tingkah laku yang positif serta membangkitkan semangat dalam memperbaiki kekurangan dan kelemahan yang ada pada diri seseorang pelajar (Khalil, Abd Rahman, & Din, 2018).

## **KESIMPULAN**

Tahap pencapaian akademik seseorang murid sama ada berada pada tahap cemerlang, sederhana atau lemah bukan bergantung kepada diri seseorang individu sahaja. Namun, ia turut berkait rapat dengan faktor elemen persekitaran yang berada di sekeliling. Oleh itu, sistem pendidikan sangat memerlukan sokongan elemen persekitaran seperti ibu bapa, rakan sebaya dan lain-lain serta tidak hanya bergantung kepada pihak sekolah dan guru sahaja dalam membentuk dan melahirkan insan yang cemerlang dari sudut sahsiah dan akademik secara holistik. Seharusnya, ibu bapa perlu melibatkan diri semaksima yang mungkin dalam membantu anak-anak mereka dalam pembelajaran dan menyediakan jadual pembelajaran yang efisien ketika berada di rumah dan pemantauan secara berkala harus dilakukan. Selain itu, ibu bapa juga perlu mengenal pasti dan mengetahui rakan-rakan mereka bagi mengelakkan pengaruh negatif bersarang dalam diri anak-anak. Ini kerana, rakan sebaya juga merupakan elemen persekitaran yang menyumbang kepada tingkah laku dan kecemerlangan akademik seseorang pelajar sama ada positif atau negatif yang harus dipandang serius.

**RUJUKAN**

- Ayub, A. F. M., Yunus, A. S. M., & Mahmud, R. (2018). Pengaruh Guru, Rakan Sebaya dan Sokongan Keluarga Terhadap Keterlibatan Matematik dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 8(1), 1-12.
- Chzin, D. J., & Surat, S. (2021). Sorotan Literatur Bersistematik Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar. *Malaysian Journal Social Science and Humanities*, 6(12), 137-157.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *e-BANGI*, 17(9), 75-89.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston. Virginia: Reston Publishing.
- Ismail, A. R. (2009). Hubungan Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar dengan Pencapaian Bahasa Malaysia dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat. Tesis. Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Khalil, A. A., Abd Rahman, R., & Din, H. A. M. (2018). Kajian Kes Interaksi Sosial dalam Kalangan Pelajar Pelbagai Etnik ke Arah Pengukuhan Integrasi Nasional. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 131-135.
- Kolb, David A. (1984). *Experiential Learning. Englewood Cliffs*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Mohamed Zakaria, Z. B., & Sayed Ahmad, S. M. (2007). Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan di Kalangan Pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, UTM, Skudai, Johor (Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Mohammad Nor, M. A. (2009). Hubungan dan Gaya Pembelajaran dan Pengajaran dalam Meningkatkan Kefahaman Pelajar. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhammad Dzharil Shah Andarin., & Noor Raudhiah Abu Bakar (2017). Hubungan Antara Personaliti, Gaya Pembelajaran, Faktor Persekitaran dan Keagamaan dengan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar IPTS Selangor. Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)
- Razali, M. S. M., & Raop, N. A. (2019). Mengenalpasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 3(1), 77-87.
- Salim, A. A. M., & Khairuddin, K. F. (2020). Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Murid Berkeperluan Khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 265-282.

- Shaarani, N., Muhammad Sabri, F. M., Abdul Karim, N. R., Mohd Shahwahid, F., & Tonot, H. Haliyana. (2015). Mengkaji Hubungan Sokongan Ibu Bapa Terhadap Prestasi Akademik Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah . Selangor.
- Siti Mapuzah Mohammed Ali., & Azlina Abdullah (2023). Kawalan Sosial Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak dalam Penglibatan Pornografi. *Jurnal Wacana Sarjan*, 7(1), 1-14.
- Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yusuf, N. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 4(1), 155-172.
- Uno, H. B. (2021). *Teori Motivasi dan Pengukurannya: Analisis di Bidang Pendidikan*. Bumi Aksara.
- Yahaya, A. & Aliju, A. J. (2010). *Teori-Teori Tingkah Laku Negatif*. Artikel. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.